

29 SEP 1998

Parlimen-Mahathir (Saksi)

SUKAR DAPATKAN SAKSI DALAM KEADAAN MASYARAKAT SEKARANG -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr mahathir Mohamad berkata dalam keadaan masyarakat sekarang apabila ramai yang mendakwa diri mereka Islam tetapi tidak mengamalkan ajarannya yang sebenar, amat sukar bagi pihak berkuasa mendapatkan empat orang yang tidak mempunyai dosa besar sebagai saksi terhadap sesuatu perbuatan liwat.

Perdana Menteri berkata biasanya mereka melakukan perbuatan itu tanpa dilihat oleh sesiapa tetapi ini tidak bermakna masyarakat tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka untuk membanteras kegiatan itu.

Ini kerana perbuatan itu boleh membawa bermacam-macam masalah kepada masyarakat, katanya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) pada persidangan khas Dewan Rakyat hari ini.

Semasa perbahasan sebelum itu Haji Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) telah berkata bahawa dalam Islam empat saksi yang baik dan tidak berdosa besar diperlukan untuk membuktikan perbuatan zina dan liwat.

"Kita dapati ramai orang yang mendakwa diri sebagai orang Islam tetapi mereka tidak mengamalkan ajaran Islam secara benar, pembohong, melempar fitnah, dan ada orang Islam yang percaya kepada apa yang jelas tidak berpunca daripada agama Islam.

"Dalam masyarakat seperti ini sukar untuk mencari empat orang saksi untuk melihat perbuatan liwat yang dilakukan oleh mana-mana pihak," katanya.

"Mereka (yang didakwa terbabit dalam perlakuan liwat) tidak akan dianggap bersalah sebelum didapati bersalah, tetapi mereka hendaklah membenarkan diri mereka diadili mengikut cara-cara yang dikenakan juga kepada orang lain," katanya.

Mereka tidak mempunyai keistimewaan sama-sekali walaupun mereka menjadi pembesar negara atau bekas pembesar negara, dan segala urusan undang-undang dikuatkuasakan untuk menentukan sama ada orang yang dituduh itu bersalah atau sebaliknya, katanya.

"Inilah proses keadilan yang mampu kita lakukan di negara ini," kata beliau.

"Di negara kita terdapat banyak orang yang mengutamakan politik, yang suka melempar fitnah, dengan itu masyarakat kita tidak menjadi masyarakat Islam yang sempurna dan tiada cacat cela," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan ingin mendapatkan kerjasama daripada orang-orang tertentu supaya menolong kerajaan dengan tidak mentafsirkan agama Islam untuk kepentingan politik dan sebagainya.

-- BERNAMA

ARA NMO